



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BINCANG KERJASAMA PERTANIAN, NASIONAL, SH-11 STRUKTUR HARGA TIDAK PERNAH DIKAJI PUNCA BERAS TEMPATAN TIADA DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	KOS TUNAI PADI NAIK SEHINGGA RM200, DALAM NEGERI, UM-8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4. 5.	'MENTEGA', 'NAGA UMBANG' LIPIS SAINGI MUSANG KING, BLACK THONE EMPANGAN TIMAH TASOH DAPAT BERTAHAN TIGA BULAN	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Bincang kerjasama pertanian

Malaysia intai peluang pasaran produk makanan dan pertanian ke Republik Tatarstan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
 SHAH ALAM

Kerajaan memohon kerjasama pihak Republik Tatarstan bagi membekalkan maklumat mengenai keperluan import produk seperti sarang burung, makanan sejuk beku, serta barangan sedia di minum dan sedia dimakan dari Malaysia untuk memasuki pasaran republik itu.

Perkara tersebut merupakan antara yang dibincangkan ketika kunjungan hormat Rais (Presiden) Republik Tatarstan, Rustam Minnikhanov ke atas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Mohamad Sabu di Wisma Tani, Putrajaya pada Selasa.

Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, turut dibincangkan adalah kerjasama dalam perdagangan produk pertanian antara kedua-dua negara, terutamanya mengenai eksport daging dan produk tenusu dari Rusia ke Malaysia serta proses penilaian risiko bagi akses pasaran produk pertanian yang baharu.

"Semasa pertemuan itu, Mohamad dan Rustam telah membincangkan potensi kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara Malaysia dan Rusia, terutamanya Republik Tatarstan.

"Dalam hubungan ini, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengadakan perbincangan awal dengan Kazan State Agrarian University (KSAU) untuk meneroka peluang kerjasama.

"Ia melibatkan program penyelidikan serta pembangunan kapasiti dalam beberapa sektor seperti perubahan iklim, baja, pembiakan dan pengeluaran benih tanaman sayuran, kacang soya, pendigitalan, produk halal serta kejuruteraan genetik," jelasnya.

Lawatan Rustam itu merupakan kunjungan balas kepada kunjungan hormat



Mohamad (kiri) ketika menerima kunjungan hormat Rustam di Wisma Tani, Putrajaya pada Selasa.

Mohamad ke atas beliau semasa Forum Ekonomi Antarabangsa Rusia-Dunia Islam ke-14 atau Kazan Forum 2023 yang diadakan di republik tersebut pada Mei tahun lalu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha, Datuk Lokman Hakim Ali; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Datuk Azah Hanim Ahmad, pegawai kanan KPKM dan jabatan serta agensi di bawah kementerian itu.

Tambah kenyataan itu, di akhir pertemuan, Mohamad menzahirkan penghargaan atas pengesahan kehadiran Menteri Pertanian dan Makanan Republik Tatarstan, Marat Ziyabbarov dan delegasi pertanian dari Republik Tatarstan ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11 hingga 22 September depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Struktur harga tidak pernah dikaji punca beras tempatan tiada di pasaran?

PUTRAJAYA: Bekalan beras putih tempatan (BPT) di negara ini sebenarnya banyak, namun struktur harga lama dipercayai antara punca beras itu tiada di pasaran.

Menurut Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Azman Mahmood, beras tiada masalah dan ketika ini pengeluaran sudah 62 peratus.

"Tetapi ramai tanya kenapa tiada di kedai sebab struktur harga itu tidak pernah dikaji sejak 2008 lagi," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau tidak pula menyatakan sama ada kekurangan BPT masih disebabkan isu 'permainan' kartel pembekal atau kegiatan penyorokan stok oleh peruncit, dengan sebahagian besar petani di lapangan masih lagi tidak mengeluh meskipun mereka yang tertekan kerana kos pengeluaran makin tinggi.

"Pengguna pula 'bising' kata

mahal apabila harga BPT bukan lagi RM26 bagi sekampit 10 kilogram, namun tidak sedar industri kena tanggung kos tiada keseimbangan," tambahnya.

Justeru ujarnya, KPKM telah membentuk satu pasukan khas yang bakal membentangkan laporan isu tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hujung tahun ini.

Azman turut memaklumkan pengenalan sistem warna lampu isyarat yang dibentuk bahagian itu bagi menilai prestasi kawasan jelapang padi seluruh Malaysia mengikut purata hasil.

"Jika dilihat, Sekinchan di Selangor paling berjaya kerana antara rahsianya ialah pesawah di situ 'boikot' rakan mereka yang gagal capai tuaian empat tan setiap hektar," jelasnya.

Langkah itu katanya, mungkin tampak keterlaluan namun ia menjadi motivasi kepada para petani untuk bersaing secara sengit mendapatkan pengeluaran lebih baik setiap musim,

dengan mereka yang dipulaukan akan bangkit memperbaiki kelemahan diri dan akhirnya merekodkan sehingga hasil 15 tan sehektar dalam setahun.

Semangat positif itu katanya, wajar dicontohi lebih 196,000 pesawah negara ini terutama di sejumlah 12 Jelapang Padi yang merangkumi keluasan keseluruhan 637,935 hektar.

Malah dalam nada optimis, Azman berkata, isu kekurangan stok BPT mungkin bukan lagi isu besar apabila hasil penuaian melonjak seiring dengan kos penanaman yang cekap.

Sepanjang tahun 2022, Malaysia mengeluarkan 1,574,960 tan beras dengan purata hasil 3.57 tan sehektar dan angka itu dianggarkan mampu melonjak kepada 4.28 tan sehektar.

"Insya-Allah, kita mengunjurkan SSL kepada 74 peratus dan berharap kekurangan bekalan beras domestik di pasaran tidak lagi menjadi masalah di seluruh Malaysia," tegas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Kos tuai padi naik sehingga RM200?

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Pesawah di negeri ini dan Perlis mula diselubungi 'kebimbangan' apabila terdapat ura-ura kadar sewa jentuai padi akan meningkat daripada RM130 hingga RM140 serelung atau 0.3 hektar pada musim lalu kepada RM200, musim ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, kadar baharu itu terlalu tinggi dan membebaskan pesawah yang selama ini sudah sekian lama ditekan oleh peningkatan kos mengusahakan padi.

Katanya, rata-rata pesawah tidak keberatan sekiranya peningkatan harga itu berlaku pada kadar munasabah iaitu antara RM150 hingga RM160.

"Namun apabila ada yang menyatakan kadar itu mungkin meningkat hingga mencecah RM200, kalangan pesawah memang tak setuju kerana kenaikan itu terlalu drastik.

"Setakat ini belum ada kata putus dengan sesetengah pengusaha jentera yang juga dikhabarkan sedar akan hakikat bahawa kenaikan itu terlalu



Kalaulah kenaikan setinggi itu dibenarkan, petani akan lebih terbeban selepas ini kerana kadar sewa jentera lain seperti jentera membajak, traktor dan lori akan turut meningkat."

tinggi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Tambahnya, kenaikan kadar sewa itu difahamkan bukan disebabkan oleh penyesuaian harga diesel sebaliknya disebabkan harga alat ganti, berpuncanya daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

"Kalaulah kenaikan setinggi itu dibenarkan, petani akan lebih terbeban selepas ini kerana kadar sewa jentera lain seperti jentera membajak, traktor dan

lori akan turut meningkat.

"Kami menjangkakan peningkatan itu akan menyebabkan kenaikan kos keseluruhan kepada petani mencecah 30 peratus berbanding tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu Abdul Rashid berkata, cara kiraan sewaan jentuai padi di Kedah dan Perlis berbeza dengan sewaan di Selangor serta Perak yang disifatkan lebih adil.

Menurutnya di Perak dan Selangor, kadar bayaran sewa jentuai ditentukan mengikut berat padi terhasil dan bukannya keluasan sawah diusahakan.

"Apabila tiba musim menuai, pengusaha-pengusaha jentera ini pun pergi juga ke Selangor dan Perak namun di sana, mereka boleh pula terima kadar sewaan ditetapkan di dua negeri itu.

"Tetapi apabila mereka melaksanakan kerja di sini, kiraan tetap juga mengikut keluasan relung padi diusahakan. Insya-Allah pada Ahad nanti, kami akan adakan pertemuan bersama pengusaha-pengusaha jentera yang turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Kedah, Dzowahir Ab. Ghani," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

'Mentega', 'Naga Umbang' Lipis saingi Musang King, Black Thone

LIPIS: Durian Kampung Premi-um dijenamakan sebagai 'Mentega' dan 'Naga Umbang' dari variety durian tembaga Pahang diumumkan pemenang pertama dan kedua sempena Hari Durian Daerah Lipis semalam.

Kedua-dua variety itu berpotensi menjadi saingan durian Musang King atau Black Thone yang ketika ini menjadi pilihan

penggemar tegar durian tempatan.

Durian Mentega milik pekebun, Jamaluddin Othman, 67, dari kampung Lubuk Hik, Bentan menjadi pemenang pertama yang mempertaruhkan durian tembaga Pahang yang enak dan menjadi rebutan penggemar durian kampung.

Pesara Guru Besar SK Clifford,

Lipis itu mengakui isi durian mentega yang berwarna kuning dan tekstur berkrim, gebu dan rasa manis seolah-olah seperti mentega yang rasanya sangat sedap dan menyelerakan.

"Saya mempunyai lebih 100 batang pokok durian di kawasan kebun seluas lima hektar di Lubuk Hik dengan pelbagai variety pokok dan keenakan rasa

serta tekstur durian.

"Namun demikian induk durian Mentega hanya sebatang sahaja yang berusia lebih 100 tahun tetapi masih berbuah sekitar 100 biji semusin.

"Pokok durian Mentega telah tumbuh subur di kampung ketika saya masih kecil dan kini masih berjasa kepada tuannya dengan mengeluarkan buah,"

katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Jamaludin, durian tersebut yang terbaik dibawa dari dusunnya dan dia tidak menyangka muncul pemenang pertama, sekali gus mengatasi 20 peserta lain yang kebanyakannya masing-masing turut memperagakan durian berkualiti tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Empangan Timah Tasoh dapat bertahan tiga bulan

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Empangan Timah Tasoh di sini yang berfungsi sebagai takungan bekalan air domestik dan pengairan pertanian di negeri ini terus menyusut sehingga paras 26.90 meter, sekali gus berada pada situasi amaran.

Ketika ini, takungan air di empangan berkenaan hanya berada pada sekitar 38.5 peratus dengan jangkaan mampu bertahan untuk tempoh tiga bulan sahaja sekiranya kemarau berterusan.

Sebagai rekod, Empangan Timah Tasoh yang berkeluasan 13.3 kilometer persegi itu dapat menampung kapasiti takungan sebanyak 40 juta meter padu dengan kedalaman aras normal pula ialah sekitar 29.1 meter.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, ketika ini, hanya bekalan air untuk kegunaan domestik yang dapat dibekalkan daripada empangan Timah Tasoh manakala bagi kegunaan pengairan untuk aktiviti pertanian tidak dapat dibekalkan.

Katanya, daripada jumlah takungan tersebut, sebanyak 33.3 juta meter kubik air sahaja dapat digunakan bagi tujuan



PARAS air di Empangan Timah Tasoh di Padang Besar, Perlis, terus menyusut sehingga paras 26.90 meter sekali gus berada pada situasi amaran. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

domestik iaitu secara puratanya 75,000 kubik meter sehari.

"Ini diikuti dengan 55 juta meter kubik setahun bagi pengairan kawasan pertanian seluas 3,075 hektar itu manakala selebihnya adalah takungan mati.

"Kerajaan negeri juga mengambil maklum keresahan dialami seramai 1,221 petani berhubung masalah tanaman padi mereka yang rosak dan tidak menjadi pada waktu ini.

"Ini berlaku terutama melibatkan petani yang berada di

luar kawasan pengairan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang meliputi kawasan Titi Tinggi, Beseri, Paya dan Bintong. Hal ini disebabkan sumber air bagi tujuan pengairan pertanian di empangan Timah Tasoh tidak dapat dibekalkan ke kawasan itu disebabkan penurunan paras air akibat cuaca kering sejak beberapa minggu lalu," katanya semalam.

Razali berkata, berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia negeri, hujan dijangka

lebih kerap semasa musim peralihan Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut antara Ogos hingga September.

"Sehubungan itu, paras air di Empangan Timah Tasoh dijangka kembali normal sekiranya hujan lebih kerap dalam tempoh itu. Bagaimanapun, sekiranya 'trend' cuaca kering ini terus berpanjangan, kita (kerajaan negeri) bersedia dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani situasi ini," katanya.